


Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Monday, February 12, 2018 9:41 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pengarah PBS Kongsi Pengalaman Bersama SAINA



(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

12 FEBRUARI 2018, ISNIN | 26 JAMADILAWAL 1439H



HEP: Seramai 40 pelajar terbaik tingkatan lima Sekolah Menengah Sains Pokok Sena (SAINA), Alor Setar telah menimba pengalaman yang amat berharga melalui program sehari bersama Pengarah Pusat Budaya dan Seni (PBS) semalam di Dewan Budi Siswa.

Pelajar yang mengikuti program itu telah menimba ilmu baru melalui pendedahan dalam bidang kepimpinan, akademik, ketrampilan diri dan sahsiah. Ini merupakan satu platform yang baru bagi para pelajar supaya dapat memimpin sebuah organisasi yang kukuh dan mantap pada masa akan datang.

Sepanjang program ini berlangsung, sikap kerjasama, berdikari, toleransi dan perpaduan begitu menonjol dalam kalangan pelajar, malah turut dilatih menepati masa, berdisiplin dan mampu menangani tekanan.

Pelajar juga amat bertuah kerana program tersebut dikendalikan secara terus oleh Pengarah Pusat Budaya dan Seni, Huzaidy Hussain yang merupakan seorang yang sangat berkaliber.

Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat sepanjang program ini kerana memberikan kerjasama yang sangat baik. Selain itu, beliau juga berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

Program seumpama ini wajar diteruskan kerana mampu meningkatkan kemahiran kepimpinan dan jati diri pelajar sebagai persiapan menghadapi cabaran mendatang sekali gus menggalakkan mereka menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara tambahnya lagi.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my> Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.